

**Mesyuarat bersidang semula
Jam: 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat pada persidangan tadi pagi iaitu di Peringkat Jawatankuasa telah membincangkan akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2012/2013 dan untuk memperuntukkan wang tersebut bagi maksud-maksud tertentu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula untuk membincangkan SA03A - Jabatan Audit.

Jurutulis I: Tajuk SA03A - Jabatan Audit.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah di antara ahli-ahli yang ingin membincangkan tajuk ini? Oleh kerana tidak ada yang ingin bercakap, maka saya adakan undi siapa yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis I: Tajuk SA03A - Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada di antara ahli-ahli yang ingin bercakap mengenai Biro Kawalan Narkotik? Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam membincangkan di bawah Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik yang berjumlah lebih \$14,225,400 juga sudah setentunya Jabatan Biro Kawalan Narkotik berkeupayaan dalam menjalankan tugas-tugas bagi mengawal penyalahgunaan dadah dan kaola rasa wang sebanyak lebih \$14,255,400 juga itu adalah

termasuk perbelanjaan-perbelanjaan bagi pemulihan penyalah-penyalah penggunaan dadah yang sedang giat dijalankan di negara ini.

Menyebut dengan pesalah-pesalah penggunaan dadah yang telah menjalani pemulihan di bawah kawalan Biro Kawalan Narkotik, masih terdapat pesalah-pesalah tersebut yang telah dipulihkan dengan sempurna dan ada yang telah balik ke pangkuan keluarga masing-masing dan ada juga yang balik semula ke Pusat Pemulihan kerana mengulangi penyalahgunaan dadah.

Di antara barangkali sebab-sebab mengapa pesalah-pesalahgunaan dadah itu lebih mirip balik ke pusat-pusat pemulihan kerana terdapat beberapa sebab yang abis kaola selaku ketua kampung dapat mengenal pasti sebahagian kecil daripadanya. Apabila mereka ini telah dibebaskan dan mengikuti program-program pemulihan dan berkehendakkan pekerjaan, tapi sayangnya mereka ini tidak dapat diterima kerana masih *diabel* sebagai penyalahgunaan dadah.

Dalam dua tahun yang lepas barangkali kalau kaola tidak lupa, ada pernah disebut di dalam khutbah Juma'at supaya pesalah-pesalah ini akan dapat diberi peluang kedua untuk menjalani kehidupan

dan ada juga sebahagian daripada kementerian-kementerian menyarankan supaya mereka ini tidak disisih oleh masyarakat termasuk kerajaan sendiri tapi yang mana kitani dapat tahu pada masa ini masih banyak pesalah-pesalah tersebut tidak mempunyai pekerjaan dan langsung tidak diterima untuk bekerja oleh mana-mana pihak.

Jadi inilah barangkali yang kitani rasa masih kekurangan dalam menangani masalah ini. Jadi apabila mereka ini sudah tidak berkerja, keperluan-keperluan sangat memerlukan terutama sekali bagi mereka-mereka ini yang beranak isteri sudah setentunya menjadi beban kepada kedua ibu bapa dan sekaligus juga akan menjadi beban kepada kerajaan kerana mereka ini sering meminta bantuan sama ada melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam yang tidak kendur-kendur memberi bantuan dan ada juga yang belum mendapat bantuan.

Oleh yang demikian, di kesempatan di dalam dewan yang mulia ini, kaola memohon supaya pihak Biro Kawalan Narkotik akan dapat memberi satu pengakuan khusus yang menyatakan mereka ini telah bebas dan bebas seluas-luasnya daripada penagih dadah.

Dengan adanya surat pengakuan itu, mungkin juga sebagai satu sijil untuk mereka ini memohon pekerjaan di mana-mana jua pihak dan lebih-lebih lagi kepada agensi-agensi kerajaan. Sekian Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin yang memberi pandangan mengenai dengan bagaimana pesalah dadah dapat balik ke keluarga mereka dan dapat diterima bekerja.

Perkara ini memanglah dipandang berat oleh kerajaan. Melalui Pusat Al-Islah, semasa di dalam tahanan dan selepas tahanan selama 2 tahun sebagai orang yang di bawah pengawasan, dijalankan program interaksi berkaitan dengan dunia pekerjaan.

Mereka dibawa lawatan belajar ke agensi-agensi atau tempat berkenaan seperti Pusat Pembangunan Belia, Pusat

Keusahawanan Sinaut, pameran-pameran belia dan juga mendengar taklimat kerja dari agensi-agensi kerajaan dan swasta. Dan seterusnya untuk memberikan mereka peluang untuk balik diambil bekerja.

Sebab itu mereka juga dibuat untuk membantu dan dirundingkan dengan pihak sekolah atau institusi yang berkenaan tentang apa-apa latihan yang akan dibuat oleh mereka. Di masa yang sama juga, setiap mereka ini akan didaftarkan ke agensi pekerjaan tempatan dan tenaga kerja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mendapatkan kad buruh.

Jadinya kerajaan mengambil berat tentang perkara ini. Dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, menekankan perlunya mengambil mereka ini balik menjadi sebagai salah seorang daripada komuniti kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi ahli-ahli yang lain? Yang Berhormat Pehin Datu Imam.

Yang Berhormat Pehin Datu

Imam Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Abdul Hamid

bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola saja ingin tahu, bilangan orang-orang yang dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah sepanjang lima tahun kebelakangan. Adakah menurut statistik itu semakin berkurangan ataupun meningkat, dalam tempoh lima tahun kebelakangan?

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih, saya belum dapat menjawab Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan saya balik lagi menjawab karang, soalan itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli lain, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Sepertimana yang kita maklum bahawa sebilangan daripada penagih-penagih dadah ini adalah orang yang berkeluarga dan mempunyai bilangan anak yang ramai. Jadi adakah Jabatan Biro Kawalan Narkotik mempunyai peruntukan untuk memberi bantuan kepada, mereka yang tidak mempunyai kemampuan untuk membina rumah ataupun yang tidak mempunyai rumah diberi ataupun disewakan oleh jabatan berkenaan

sepertimana yang dilakukan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan juga MUIB? Terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Ada bantuan-bantuan ini. Bantuan-bantuan juga boleh didapati dari elaun sara hidup isteri, anak, JAPEM, elaun pelajaran anak JAPEM dan elaun asnaf mu'alaf Baitulmal. So ada, jawapannya.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Peruntukan yang diperuntukkan kepada Biro Kawalan Narkotik yang berjumlah kira-kira \$14,255.400 itu diharap akan dapat memenuhi kehendak-kehendak Biro Kawalan Narkotik sendiri termasuklah dalam penjagaan penyalahgunaan dadah yang ada di Rumah Al-Islah.

Pada tahun lepas, kaola ada menyuarakan bahawa ada beberapa pemberong majikan swasta yang telah berani mengambil pesalah-pesalah penyalahgunaan

dadah ini bekerja di syarikat-syarikat mereka.

Dalam hubungan ini, kaola telah menyuarakan bahawa mencadangkan satu ketetapan bagi pihak kerajaan supaya pihak kerajaan juga akan mempertimbangkan bekas ahli-ahli Rumah Al-Islah ini diambil bekerja. Kaola ingin mengetahui adakah tindakan diambil ke arah itu? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola dulu menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, berkenaan dengan peningkatan orang-orang yang masuk ke Rumah Al-Islah.

Statistik memang menunjukkan bertambah kerana BKN juga ingin memberi peluang untuk menjalani rehabilitasi kepada penagih-penagih dadah dengan tidak membawa mereka ke mahkamah, jadi memang bertambah tetapi disebabkan juga memberi peluang *second chance* kepada rakyat yang terjerumus di dalam dadah ini supaya balik ke pangkal jalan. Daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee tadi adakah kerajaan

mengambil? Jawapannya ada, diambil secara dasar dan ada sudah kerajaan mengambil kembali pegawai yang menjalani rawatan di Pusat Al-Islah. Jawapannya ada. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih ada lagi ? Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berhujah, maka perkara ini diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(semua ahli mengangkat tangan)

Perkara Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik diluluskan.

Jurutulis I: Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Awang Haji Ramli.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, peruntukan bagi Biro Mencegah Rasuah pada tahun ini ialah \$7, 444, 300.00 dan pada tahun lepas \$7,455,520.00 kemudian perbelanjaan operasi ialah sebanyak \$290,000.00 pada tahun ini, dan

tahun lepas juga \$290,000.00. Jadi kenapakah berlakunya penurunan ini pada jumlah keseluruhan? dan kenapa tidak ada peningkatan pada perbelanjaan operasi? Adakah disebabkan oleh tidak ada lagi kegiatan rasuah ataupun ia sudah semakin berkurang? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi kegiatan rasuah masih ada tidak bererti juu pengurangan daripada segi belanja operasi itu menunjukkan ketidakadanya operasi di Bahagian Biro Mencegah Rasuah. Malah makin lagi ditingkatkan hanya barangkali kalau dilihat daripada tahun lepas mereka memahami tentang kapasiti untuk mereka berbelanja dari segi operasi pada tahap yang dipohonkan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Pehin Pengerusi. Terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah atas kejayaan pihak Biro Mencegah Rasuah dalam membasmikan penyalah-penyalah ataupun dalam

bidang rasuah. Kaola ingin bercakap mengenai dengan pesalah-pesalah terhadap rasuah, yang mana kaola rasa ada sampai dua tiga tahun mereka ini masih ditahan tanpa bekerja dengan dibayar separuh gaji. Jadi disebabkan mereka ini terlalu lama ditahan maka serba sedikit akan mengurangkan tenaga kerja seperti yang berlaku, minta maaf Pengurus saya menyebutkan di Jabatan Kastam, hampir 20 orang yang terlibat di dalam ini belum lagi mendapat keputusan.

Jadi itulah sebabnya serba sedikit mengurangkan kerja-kerja di jabatan tersebut. Jadi apakah tindakan-tindakan tidak dapat disegerakan, tindakan mahkamah terhadap mereka ini untuk mempastikan sama ada diorang ini benar-benar bersalah atau sebaliknya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini kebanyakannya tertakluk kepada Timbalan Pendakwa Raya yang mendakwa setiap kes. Dalam kes ini memang diakui sudah setahun lebih tetapi banyak lagi penyiasatan yang perlu dijalankan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang ingin bercakap. Maka oleh kerana tidak ada lagi yang ingin bercakap tajuk ini diundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(semua ahli mengangkat tangan)

Perkara Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah diluluskan.

Jurutulis I: Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi:

Silakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap mengenai dengan perkara ini. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji

Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Isu Keselamatan Negara adalah suatu perkara yang sangat penting diutamakan jadi soalan kaola adakah pihak Keselamatan Negara atau Jabatan Keselamatan Dalam Negeri membuat pemantauan-pemantauan berterusan di mana kawasan-kawasan hitam atau pun kawasan-

kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang selalu dijadikan tempat penyeludupan ataupun tempat-tempat jenayah, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat menanyakan tentang Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, jawapannya ada, kalau perlu saya huraikan lagi, Adakah perlu saya huraikan lagi? Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tapi soalannya ada atau tidak?

Yang Berhormat Pehin Datu

Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Ada.

Yang Berhormat Pengerusi:

Jawapan Yang Berhormat ada. Saya berpendapat memadailah pada menjawab soalan itu.

Yang Berhormat Pehin Datu

Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Siapa lagi di antara Ahli-Ahli Yang

Berhormat, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih, kaola hanya ingin bertanya berhubung dengan bekas orang-orang tahanan yang pernah dilepaskan bebas dari tahanan adakah mereka itu masih dipantau dan masih memberikan ancaman kepada keselamatan negara? itu saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Dapat Yang Berhormat mengulangi soalan itu tidak kedengaran.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Minta maaf barangkali tak berapa jelas, dalam Tajuk Unit Tahanan dan Pemulihan sebagaimana yang pernah diketahui bahawa sudah beberapa orang atau berapa ramai orang-orang tahanan keselamatan telah dikeluarkan dan dibebaskan dari tahanan? Soalnya adakah mereka ini atau sebahagian daripada mereka dipantau sepenuhnya dan tidak lagi menjadi benar-benar mengancam keselamatan negara?

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, jawapannya masih dipantau, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Assalamu'alaikum Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola berkenaan dengan keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam dan jalan-jalan yang menghubung di antara Miri dan Kuala Lurah sudah lama menjadi jalan penghubung bagi negara-negara Sabah, Brunei dan Sarawak daripada jalan penghubung, ianya juga digunakan oleh lori-lori kontena dari negara jiran yang membawa barang-barang perniagaan bagi ketiga negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Maafkan Yang Berhormat kitani sedang membincangkan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Kaola, ada sangkut paut.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada kaitannya tu ?

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Dengan pihak Keselamatan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Bah silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Di bawa ke Sabah atau ke Sarawak dan sebaliknya. Adakah pernah difikirkan *charge* perjalanan di antara satu *entry* dan *exit* bagi penggunaan ini akan dikenakan selain daripada masa ini *charge* borang permohonan kebenaran lalu, batas bagi kenderaan Malaysia berjalan sebanyak \$5.00, *charge* yang dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, sedangkan lori-lori kontena ini amat berat muatannya dan isi-isi barang jualan di antara Sabah dan Sarawak

yang berharga. Justeru itu, ia memang perniagaan dan mereka akan meraih keuntungan. Dari itu, ianya patut dikenakan *charge* mungkin dinamakan *entry* dan *exit permit* bagi menggantikan cukai jalan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat ini barangkali berkaitan secara langsung dengan Kementerian Perhubungan Bahagian Pegawai Kastam dan seumpamanya.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Yang Berhormat Pengerusi, ia pasal di antara Miri dan Kuala Lurah ia berjalan, di antara itu adakah pemantauan secara berkesan, pasal pembawa-pembawa lori ini mungkin akan menurunkan barang-barangnya di antara perjalanan itu dan ia mungkin menjelaskan, mungkin menurunkan barang-barang yang di *contraband* kah ataupun senjata-senjata? Itu saja yang kaola tanyakan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat

Pengerusi, semua orang memantau bukan juga Keselamatan Dalam Negeri, Bahagian Kastam pun memantau terutama tentang barang-barang *contraband*. Jadinya setiap *exit* keluar masuk Negara Brunei Darussalam ke perairan antarabangsa dipantau oleh agensi-agensi Keselamatan Negara Brunei Darussalam, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman adakah Yang Berhormat Menteri itu menjawab soalan Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Kaola fikir belum tepat kerana pasal pemantauan itu yang banyak kaola sendiri memerhatikan lori-lori itu masih banyak berjalan pada masa hari Minggu Yang Berhormat Pengerusi, so kalau dilihat dari segi pada hari Minggu, tenaga-tenaga kerja akan berkurangan sedangkan syarikat-syarikat yang banyak menghantar barang dan menjual barang ia akan mengurangkan aktivitinya pada hari Minggu, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) sila jawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh salam sejahtera terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga soalan yang diajukan Yang Berhormat Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Sebenarnya ada, Yang Berhormat Pengerusi apa yang digelar *Transit P* bagi yang dikenakan bagi *transport* ataupun kenderaan-kenderaan yang membawa masuk misalnya daripada Kuala Lurah ke Temburong memang ada dikenakan, kalau saya tidak silap bagi barang-barang yang dikawal dalam \$100.00 manakala barang-barang yang lain anda salah \$25.00 kah? *I have to check lagi* Yang Berhormat Pengerusi dan kontena itu sebenarnya disea/lagi tu.

Jadi apabila ia sampai ke Temburong misalnya dari Belait ia sampai ke Temburong, ia dari Miri misalnya ia kan ke Temburong, jadi dengan sendirinya ia ada disea/tu dia punya kontenanya itu. Jadi, di Temburong nanti, ianya dicheck lagi. Jadi kalau ianya ditampered dengan sendirinya

dapatlah kita mengambil tindakan-tindakan tertentu mengenai dengan perkara ini. Sekian Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi:
Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Pehin, kaola hanya akan menyentuh pasal laluan saja kebimbangan mengenai mereka lalu di tempat-tempat yang mungkin susah untuk dikawal. Mengikut perjanjian *goods-in-transit*, trak-trak seperti ini mestilah melalui apa yang digelarkan *decayed roads* yang diketahui.

Tidak dinafikan bahawa setengah mereka itu menggunakan laluan-laluan yang bukan seperti yang dihadkan. Jadi, laluan yang kitani *decayed* atau yang kitani tentukan untuk mereka itu memang sudah diketahui bahawa jalan-jalan atau mempunyai keupayaan untuk membawa trak-trak itu. Dan apa yang berlaku jika pihak berkuasa mendapati mereka itu tidak menggunakan laluan itu, mereka itu boleh didakwa. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Berhormat lain? Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Masih lagi isu Keselamatan Negara. Jadi, kaola ingin bertanya mengenai dengan adakah pihak Keselamatan Negara ataupun Jabatan Keselamatan Negara mengetahui isu-isu sempadan negara kitani di mana sempadan-sempadan yang sensitif ini sering berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti pencurian bahan-bahan negara kitani. Jadi perkara ini adalah amat penting bagi kitani sama-sama mengawal keselamatan dan juga mengawal harta benda negara ataupun isi bumi negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, memang ada dan pegawai-pegawai dari KDN juga sering dihantar ke sempadan-sempadan yang tertentu untuk membuat pemantauan dan membuat patrol. Jadinya barang anj memang ada di dalam bidang tugas Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli yang lain? Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Berhormat yang lain ingin bercakap, perkara ini yakni tajuk ini di undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan).

Terima kasih, Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA07A - Jabatan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Tajuk SA07A - Jabatan Majlis Mesyuarat Negara.

Terima kasih. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap. Maka tajuk ini dibuka untuk di undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara diluluskan.

Jurutulis: SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei sekarang dibuka untuk perbahasan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji

Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Pada tahun yang lepas di Dewan Persidangan majlis ini, kaola ada menyuarakan bagi cadangan agar bangunan kekal Radio Televisyen Brunei (RTB) yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan-peralatan yang mencukupi sesuai dengan perkembangan RTB ke arah era digital untuk dibangunkan di Temburong.

Sukacita kaola ingin bertanya, apakah sudah ada perkembangan dan perlaksanaannya ke arah itu? Apakah sudah ada tempat kekal diperolehi untuk membina stesyen RTB di daerah Temburong? Bangunan sementara RTB Temburong pada masa ini adalah tidak sesuai kerana ianya berdekatan

dengan kedai pekan Bangar dan Masjid Utama Mohamad Salleh Pekan Bangar. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong atas soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tentang sebuah bangunan yang kekal bagi RTB di Daerah Temburong. Pada menjawabnya, kaola suka cita memaklumkan perkara-perkara berikut mengenainya.

Bangunan cawangan RTB di Daerah Temburong yang digunakan sekarang, sememangnya dihasratkan untuk digunakan secara sementara saja. Bangunan ini adalah asalnya dua buah rumah milik kerajaan yang bersebelahan dan disambung dijadikan satu. Bangunan ini menempatkan ruangan-ruangan pejabat, studio radio dan studio televisyen bagi memenuhi keperluan teknikal untuk siaran-siaran yang disediakan atau disiarkan melalui cawangan ini, bangunan ini juga telah dihubungi melalui sistem

Fibre Optic dan dengan stesyen *TelBru* Bangar dan seterusnya dengan sistem gelombang mikro ke Bandar Seri Begawan.

Sememangnya memang dari dulu terdapat keperluan bagi RTB mempunyai satu bangunan yang bersifat kekal bersesuaian berbagai aspek termasuklah keselesaan pekerja, keselamatan dan penempatan alat-alat baru dan lain-lain lagi. Bagi tujuan ini, pihak RTB telah pun memohonkan sebuah tapak seluas 4 ekar kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa pada 16 Februari 2011 bagi menempatkan bangunan baru RTB bagi cawangan Temburong yang mana tapak ini adalah berdekatan dengan stesyen *TelBru* Bangar. Walau bagaimanapun pihak RTB telah dimaklumkan bahawa tapak yang dipohonkan itu adalah terkandung dalam zon perumahan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seterusnya telah mencadangkan sebuah tapak alternatif yang agak jauh dari stesyen *TelBru*. Memandangkan bangunan cawangan baru RTB ini kehendaknya berdekatan dengan bangunan *TelBru* bagi memudahkan penyambungan dan penjagaan sistem *fibre optic* di antara dua buah bangunan berkenaan, maka dengan itu, pada khidmat RTB tapak yang alternatif yang dicadangkan oleh

Perancangan Bandar dan Desa adalah kurang bersesuaian.

Pada masa ini RTB dengan bantuan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sedang dalam proses mencari tapak baru yang lebih bersesuaian. Yang Berhormat Pengerusi, sukacita juga mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa sebuah tapak di Kampung Serukup, Mukim Batu Apoi telah pun diluluskan pada 11 Oktober 2011 bagi RTB membina sebuah stesyen *Transposer* yang baru. Dengan siapnya stesyen tersebut ianya akan meningkatkan *Transmission Coverage* bagi Daerah Temburong secara keseluruhannya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Yaakub.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Radio dan Televisyen Brunei adalah stesyen penyiaran kerajaan yang berperanan sebagai penyalur maklumat kerajaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Jadi kaola mendapati satu saluran RTB iaitu saluran antarabangsa siaran 24 jam dapat ditonton di luar

negara. Kalau kaola tidak silap sehingga ke Timur Tengah. Ini adalah satu platform yang baik untuk menyalurkan informasi mengenai negara-negara kitani Negara Brunei Darussalam.

Akan tetapi yang kaola dapati kebanyakannya rancangannya sudah lama ditayangkan dan secara berulang-ulang dengan kualiti yang tidak memuaskan dan juga tidak menarik, tidak ada *subtitle* dalam bahasa Inggeris untuk mudah difahami oleh orang-orang yang bukan Melayu yang tidak faham dalam Bahasa Melayu. Jadi kenapakah perkara ini tidak diperbaiki? kalaupun sudah diperbaiki, dilaksanakan syukur Alhamdulillah untuk kebaikan kitani bersama. Itu saja teguran saya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasim bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal saranan Yang Berhormat sangat-sangatlah dihargai dan pihak RTB akan mengambil tindakan seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tadi Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin ada mengangkat tangan. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan Kristal Astro Sdn Bhd. Yang satu-satunya mengendalikan perkhidmatan *TV Multi Channel* secara berbayar dimiliki bersama oleh Syarikat DST Brunei dan Astro Malaysia. Saluran ini hanya menayangkan saluran yang serupa di negara jiran termasuk TV 1 dan TV 2 Malaysia. Mengapakan RTB 1 dan RTB 2 tidak dimaksukkan di dalamnya? Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasim bin Haji Umar: Terima kasih. Tentang RTB 1 sama RTB 2 tidak termasuk ialah sebab-sebab *copyright* yang mana *actually* kami memohon ke Astro. Jadinya belum ada *terms* yang bersesuaian untuk memasukkan RTB 1 dan RTB 2. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Jumat bin Akim tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Haji Jumat bin Akim: Terima kasih sekali Yang

Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya, sebagai media kerajaan atau penyebaran maklumat yang penting adalah melalui media TV yang berkesan kepada negara. Jadi kaola ingin tahu bahawasanya setengah-setengah kawasan di mana pemancaran ini tidak dapat diterima.

Jadi amat mendukacitakan Yang Berhormat Pehin, umpamanya di Bandar Seri Begawan di kedai-kedai ataupun di restoran-restoran kalau kitani bertanya cuba alihkan kepada TV Brunei, mereka akan berkata dengan perkataan bahasa dialek bangsa berkenaan, "oh.. Brunei tidak bagus". Jadi ini adalah suatu perkara yang sangat penting diambil perhatian kerana dalam kitani menyebarkan maklumat kepada masyarakat di negara ini iaitu siaran televisyen adalah penting. Jadi kitani seolah-olah berada di luar negeri kerana kitani didedahkan dengan Parabola, Astro dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasim bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *I think* jawapan yang singkat barangkali ganya. Tiada kuasa siapa-siapa kecuali orang yang punya kedai menentukan TV mana ia mahu. Tentang keperluan

meningkatkan lagi *standard* RTB diambil maklum dan diambil perhatian seterusnya.

Berbalik lagi soalan tadi saya Yang Berhormat Pengerusi, 2, 3 soalan yang lepas ini tidak kena mengena dengan apakah huraiyan yang di dalam RTB ini, apakah huraiyan bajet-bajet di dalam sub-bajet di dalam RTB ini tidak kena mengena masih jua lagi bertanya yang tidak *relevan* kepada yang dibincangkan pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini mengambil perhatian terhadap teguran Yang Berhormat Menteri Tenaga itu. Tadi Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee ada menunjukkan keinginan untuk bercakap. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Pada tahun ini Radio Televisyen Brunei telah diperuntukkan sebanyak \$51 juta, dan kita harap peruntukan sedemikian akan dapat menangani atau meng*cover* siaran Televisyen Brunei yang mempunyai 5 saluran ketika ini.

Pada mesyuarat tahun lepas, kaola ada menyuarakan tentang studio

yang ada di Kuala Belait yang cukup canggih, yang mempunyai kelengkapan digitalnya. Tetapi kurang berfungsi. Jawapan yang telah diberikan kepada kaola pada tahun lepas ialah disebabkan Sumber Tenaga Pekerja. Jadi kaola ingin tahu apakah kedudukan Sumber Tenaga Manusia itu? Soalan petama,

Kedua, siaran Berita lintas langsung dari Daerah Belait. Kaola ingin bertanya adakah ia benar-benar berlaku di Daerah Belait ataupun cuma drama sahaja yang sebenarnya berada di Daerah Brunei Muara?

Ketiga, Setakat manakah keberkesanannya?, apa yang didapati kebanyakan beberapa tempat awam di negara kita ini seperti di hospital, restoran orang gemar menonton siaran luar. Jadi dengan peruntukan yang ada ini bolehkah kita menangani masalah-masalah yang kaola bangkitkan itu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sepertimana soalan yang pertama tentang keperluan sumber manusia di Belait.

Studio KB sekarang mempunyai beberapa orang pegawai dan kakitangan secara kekal telah pun ditempatkan di Studio Belait dan bagi, benarkah inda, berita yang *live* daripada Belait?, Jawapannya benar, memang benar dari Daerah Belait. Dan soalan ketiga, keberkesanan tempat-tempat awam seperti restoran sama jua dengan barangkali Yang Berhormat Awang Haji Jumat tadi akan diambil maklum dan akan diambil tindakan seterusnya. Kebanyakannya ini berkisar perlunya pentingnya bagi RTB menaikkan *standard* penyiaran dan *standard broadcasting* RTB. Itu saja yang kaola dapat sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi ahli-ahli yang lain. Yang Berhormat Awang Haji Gapor.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengetahui di dalam peruntukan Radio Televisyen Brunei - B00301 Sewa sebanyak \$80 ribu. Kaola ingin mengetahui apakah dimaksudkan sewa-sewa yang berkenaan? Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Kaola inda ada *detail* nya pulang, tetapi ini anggapan kaola yang pertama, kebanyakannya sewa-sewa ini ialah menyewa barangkali perkakas seperti khemah-khemah kalau ada *shooting* untuk RTB dan seterusnya kalau ada apa-apa *Roadshow* RTB. Itulah yang dimaksudkan di bawah sewa itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat begitulah jawapannya. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Haji Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Haji Akim: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya bukankan bersoal jawab cuma ingin membetulkan fakta mengenai dengan pemancaran sahaja. Jadi yang dimaksudkan oleh pekedai yang berkenaan bukan rancangan kitani inda bagus cuma pemancarannya inda dapat diterima, itu saja. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi Ahli-Ahli lain.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Boleh kaola merespons Pehin. Pemancaran di Bandar Seri Begawan sepatutnya tidak ada masalah, tetapi tiap-tiap kedai itu mungkin ia tidak menggunakan aerial yang betul, tidak menggunakan perkakas yang betul untuk menerima RTB. Itulah sebabnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Terima kasih. Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bercakap mengenai Tajuk ini, maka Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dibukakan untuk diundi. Sila angkat tangan yang bersetuju.

(Semuanya ahli mengangkat tangan)

Maka Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei diluluskan.

Jurutulis I: Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada jadual Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang kita beralih kepada tajuk Jabatan Penerangan. Silakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap. Nampaknya tidak

ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk bercakap mengenai Jabatan Penerangan. Maka Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semuanya ahli mengangkat tangan)

Terima kasih, semua sudah bersetuju. Maka Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan diluluskan.

Jurutulis I: Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi:
Persidangan Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 30 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang mesyuarat peringkat Jawatankuasa disambung semula.

Jurutulis I: Tajuk-SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi:
Tajuk-SA10A Jabatan Perkhidmatan

Awam dibukakan untuk dibahaskan. Yang Behormat Datin Hajah Salbiah silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ada dua soalan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam:

- 1) Jumlah perkhidmatan awam nampaknya semakin meningkat, kini hampir 50 ribu kakitangan. Jumlah ini tidak masuk Anggota-Anggota Pasukan Polis Di-Raja Brunei dan Anggota Bersenjata Di-Raja Brunei. Peruntukan bagi menampung perbelanjaan kakitangan awam telah meningkat. Soalan kaola kenapakah belum terdapat keperluan bagi kerajaan menjalankan *auditing* ke atas *human resources capacity* bagi kakitangan Perkhidmatan Awam? kerana kaola mendapat maklumat terdapat beberapa orang kakitangan yang dulu berkhidmat di sektor swasta apabila mereka bekerja di perkhidmatan kerajaan, mereka mendapat tugas-tugas yang dijalankan itu tidak banyak dan merasa

boring, itu yang kaola pertama timbulkan.

- 2) Bagi meningkatkan lagi pencapaian dan produktiviti Perkhidmatan Awam, kenapakah tidak ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang tertinggi yang boleh diberi tugas untuk mencari *talent spotting* mempersiapkan atau menggroom dan melantik pegawai-pegawai ke jawatan-jawatan tertinggi dalam Perkhidmatan Awam. Tujuan ini adalah semata-mata untuk supaya perlantikan tersebut dibuat secara *centralise* dan mungkin akan meningkatkan lagi produktivitinya, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi:
Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Datin Hajah Salbiah tadi. Soalan yang pertama ialah mengenai dengan *auditing* tenaga manusia dengan perkhidmatan awam. Sebenarnya memang ada dijalankan secara

peringkat-peringkat misalnya 6 buah agensi kerajaan telah dilaksanakan seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Bandaran, Bahagian Anggota dan Pentadbiran Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Buruh.

Secara amnya, beberapa penemuan pengauditan tenaga manusia telah di *identified* ataupun dikenal pasti:

- 1) Keramaian pegawai dan kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan mencukupi. Bahkan ada yang melebihi daripada yang diperlukan akan tetapi jawatan dan tanggagaji penjawat-penjawat jawatan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan adalah tidak selaras.
- 2) Ada di antara peranan dan tugas yang dikendalikan bertindih-tindih dan ada juga melaksanakan tugas-tugas sampingan dan;
- 3) Struktur organisasi yang tidak jelas kerana tidak menunjukkan *level of management* dan banyak lagi dapatan-dapatan yang

telah diterima daripada pengkajian-pengkajian ini. Jadi dari penemuan-penemuan tersebut memang adalah jelas terdapat keperluan bagi menyemak dan menilai semula beberapa aspek seperti penempatan semula jawatan-jawatan yang tidak bersesuaian, menyatukan bahagian-bahagian, penstrukturkan semula organisasi, menyesuaikan jawatan-jawatan pangkat, menentukan keperluan tugas dan sebagainya dan perkara ini memang sedang diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk *improve* lagi perkara-perkara seperti ini.

Soalan kedua, mengenai dengan *spotting* pegawai-pegawai yang berkaliber dan sebagainya memang perkara ini ada juga dilaksanakan oleh JPA dimana pada waktu ini JPA ada mengadakan beberapa usaha-usaha untuk *identified* pegawai-pegawai yang difikirkan berpotensi untuk menjawat jawatan-jawatan yang tertentu.

Di samping itu, SPA juga ada mengadakan jawatankuasa mempertimbangkan jawatan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Divisyen II dan ke atas jadi perkara-perkara ini Yang Berhormat

Pehin telah diambil kira oleh JPA, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:

Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat? Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Soalan kaola ialah berkenaan pengisian jawatan yang dipangku. Di sesi penerangan dan muzakarah abis kaola dari satu kementerian apa yang menarik perhatian kaola ialah kebanyakannya ketua-ketua jabatan diperkenalkan sebagai memangku dalam jawatan mereka pada lawatan kementerian lain dan mengikut yang kaola terima. Begitu juga keadaannya di beberapa kementerian yang lain, iaitu memangku jawatan dalam masa yang lama.

Pertanyaan kaola, kenapakah status memangku yang sepatutnya urusan sementara sahaja iaitu apabila pemegang sebenar bercuti atau tidak bekerja dalam masa yang pendek, jadi memangku lama dan berpanjangan. Pada pendapat kaola perkara ini perlu dikaji dan diteliti sebagai satu jalan maju ke hadapan dan membuat sokongan untuk mengatasi perkara ini.

Ada dua aspek soalan ini kaola timbulkan:

- 1) Bagi orang yang memangku jawatan. Jawatan yang dipangku oleh pegawai bawahan yang lain, iaitu tiada terdapat kekosongan jawatan. Ianya memberi impak sampai ke bawah struktur organisasi. Jadi jika jawatan yang dipangku dipenuhi atau erti kata lain, ianya tidak dipangku, ianya akan membolehkan kekosongan jawatan di peringkat bawah dan seterusnya akan memberi peluang pekerjaan kepada yang lain;
- 2) Kita percaya pegawai yang memangku mempunyai sikap profesionalisme yang dipuji dan komitmen yang tinggi tetapi alangkah baiknya jika setiap jawatan diisi sejurus sahaja ia dikosongkan dengan memantapkan proses *subsections planning* atau perancangan gantian yang mengenal pasti pegawai yang layak untuk menyandang jawatan berkenaan sebelum ada kekosongan jawatan.

Pada pandangan kaola, sudah terdapat ramai pegawai kerajaan yang berkelulusan, berkebolehan di semua peringkat jawatan, yang

tinggal ialah hanya mengasuh, memberi latihan yang khusus serta memberi mereka peluang yang bersesuaian. Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhomat Pehin. Sebenarnya memangku ini ada dua. Satu, memangku secara sementara. Di mana jawatan tersebut, misalnya pemegang jawatan yang asal berkursus dan sebagainya. Jadi jawatan itu dipangku secara sementara.

Yang kedua ialah memangku secara substantif. Yang secara substantif ini ertinya pegawai yang akan diatur untuk memangku ke jawatan tersebut ialah pegawai yang difikirkan akan mengisi jawatan yang dipangkunya itu. Selalunya ini adalah tertakluk kepada *time frame*, jadi ada yang 6 bulan.

Tetapi ada kadang-kadang, di mana keadaan apabila pegawai yang memangku itu belum menepati *time frame* yang tertentu, sebab itulah pemangkuan tersebut akan berpanjangan daripada yang selalunya 6 bulan tapi disebabkan oleh perkara-perkara sedemikian, maka ianya akan berpanjangan lebih daripada 6 bulan kerana *time frame*

belum dapat dipenuhi oleh pegawai yang memangku tersebut.

Mengenai dengan saranan tadi, mengenai dengan *subsections plan* itu, perkara ini memang telah difikirkan oleh JPA dan insya-Allah, cadangan tersebut tadi akan diambil maklum dan sebagai nilai tambah kepada apa yang ada sedang difikirkan oleh JPA. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya membaca iklan yang dikeluarkan pada 29 Februari yang lalu yang menawarkan jawatan kerani di jabatan-jabatan kerajaan. Di sana kepujian 4 kredit ataupun pelayan-pelayan pejabat. Saya ada menerima 102 orang merayu supaya perkara pelayan-pelayan ini dipertimbangkan, sebabnya ada di antaranya hampir pencen dan belum lagi naik kerani dan ada antaranya sudah berpuluhan kali *interview* belum juga dapat. Jadi apa sekiranya dalam 18 kekosongan ini, diberi separuh, diberi kuota mereka ini, supaya diberi peluang mereka ini naik, supaya ada sama-sama ampit. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Pengisian jawatan-jawatan adalah mengikut kriteria-kriteria yang tertentu, penilaian-penilaian dan memang ada beberapa langkah-langkah misalnya tergantung kepada iklan-iklan, ada iklan itu dalam jabatan sendiri. Tapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ialah *common user*.

Jadi *common user* ini terpaksa diiklankan secara meluas dan ianya memanglah tergantung kepada penilaian-penilaian tersebut, kelayakan-kelayakan tersebut dan kita menasihatkan orang-orang yang memohon tersebut perlulah meningkatkan akedemi *qualification* dan juga kemahiran-kemahiran mereka secara tertentu supaya ia dapat bersaing dengan orang-orang yang lain.

Jadi kalau kita menghadkan saja kepada orang-orang di dalam jabatan itu, sedangkan perkara ini adalah *common user* mungkin dari segi keadilan itu mungkin kita akan di soal dari segi keadilan. Jadi ini adalah mengikut peraturan-peraturan, *guideline* yang tertentu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berbagai skim bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai kerajaan termasuklah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi mengikuti pengajian di dalam dan di luar negara. Sungutan didengar dari pegawai-pegawai kerana tidak mendapat skim ini dan tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian mereka.

Selain daripada itu, terdapat juga keluhan daripada pegawai-pegawai kerana tidak menerima jawapan atau lambat menerima jawapan sehingga terlimpas tarikh yang ditetapkan untuk mendaftarkan diri. Ada juga mereka ini yang disokong untuk mengikuti pengajian di luar negara oleh kementeriannya disalurkan oleh institusi tempatan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pegawai-pegawai yang disokong untuk mengikuti pengajian luar negara ini, terlebih dahulu mengikuti proses-proses tertentu dan ditetapkan oleh kementeriannya seperti ditemuduga *presentation* bidang kursus yang diikuti dan lain-lain lagi.

Adakah proses penyaluran ke institusi dalam negara ini dikonsultasi dengan kementerian yang berkenaan. Jika sekiranya pengajian tersebut Program PHD ianya diteliti kredibiliti penyelianya kerana bukan semua institusi yang menawarkan bidang tersebut mempunyai kepakaran. Di samping itu juga ia tidak mencapai objektif kementerian tersebut. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin terima kasih juga soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.

Sebenarnya Latihan Dalam Perkhidmatan ini adalah berasaskan kepada pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 1/2010 di mana perenggan 7.4 Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di kementerian-kementerian hendaklah memastikan sepenuhnya supaya semua permohonan yang dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam memenuhi semua syarat Dasar dan Peraturan yang berjalan pada masa ini termasuk perancangan kementerian dan jabatan masing-masing.

Jadi sering kitani hadapi ialah sokongan yang dihadapkan tidak disertakan dengan sokongan maklumat dokumen yang lengkap, jelas dan teratur. Jadinya sebab itulah ianya memakan masa, sebab permohonan-permohonan tersebut adalah tidak lengkap. Kadang-kadang sokongan dari jabatan-jabatan adalah terlalu ringkas, nama kursus dan tempat yang dipohonkan pun tidak di nyatakan.

Tempat kursus iaitu nama institusi pengajian pun tidak dinyatakan, kertas cadangan kajian pun ada yang tidak disertakan, jadi sebab itulah perkara-perkara ini tidak dapat diproses secara cepat kerana kita mahu supaya apa-apa juga sokongan tersebut adalah berpandukan keperluan daripada jabatan-jabatan bukannya keperluan individu itu sendiri. Mengenai dengan sokongan itu kadang-kadang ada yang memohon di luar negeri tetapi jawapannya ianya dipertimbangkan di dalam negeri.

Ini adalah sebagai langkah kita, dulu pun pernah juga Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya sebagai langkah untuk meningkatkan lagi apa yang dinamakan sebagai kewibawaan universiti di Negara Brunei Darussalam, supaya ia akan meningkat dengan adanya pegawai-

pegawai yang berkaliber untuk ikut serta dalam pengajian-pengajian di dalam negara. Sebab itulah ianya perlu juga menimbulangkan supaya latihan-latihan itu bukan saja di luar negeri sahaja tetapi di dalam negeri juga.

Walau bagaimanapun mana-mana kursus-kursus yang menghendaki misalnya ianya perlu dihantar ke luar negeri macam PHD dan sebagainya itu memanglah kita akan menghantar, itu tertakluk kepada keperluan-keperluan yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Latihan Dalam Perkhidmatan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sering kali sahaja jawatan kosong di Daerah Temburong diisi oleh calon dari bandar atau daripada daerah lain. Apa yang mengecewakan setelah bekerja beberapa bulan di Temburong. Pekerja tersebut memohon berpindah ke bandar dengan memberikan bermacam-macam alasan. Tidakkah sikap ini akan menjelaskan pentadbiran jabatan tersebut dan menambah beban dan tanggungjawab kepada

kakitangan lain di jabatan berkenaan apabila ia ditukarkan.

Sukacita kaola bertanya, apakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil inisiatif yang lebih jauh dalam mengatasi perkara ini dengan mempertimbangkan penduduk tempatan di Temburong untuk mengisi jawatan? Sekian Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Pehin Pengerusi terima kasih dan juga terima kasih di atas soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad tadi. Sebenarnya lantikan untuk mengisi kekosongan jawatan Dalam Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kepada kelayakan sebagaimana yang saya nyatakan tadi kemahiran dan pengalaman calon-calon dan ianya tidak terikat kepada di mana pegawai itu menetap.

Memang terjadi keadaan di mana pegawai dilantik untuk mengisi jawatan di luar daripada daerah, di mana pegawai ini menetap sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebelum Jabatan Perkhidmatan Awam mengeluarkan kebenaran permohonan untuk bertukar pejabat

bagi jawatan-jawatan guna sama atau sebelum menghadapkan sokongan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan bukan gunasama jabatan berkenaan akan terlebih dahulu meneliti faktor-faktor seperti sokongan ketua jabatan bagi pertukaran tersebut dan juga terdapat kekosongan jawatan yang sama di pejabat yang ia akan memohon untuk berpindah. Mempastikan yang kekosongan jawatan yang di jabatan yang ditinggalkan itu ada penggantinya atau ketua jabatan berkenaan tidak memerlukan pengganti. Jadi dalam keadaan sedemikian ini adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan berkenaan untuk mempastikan pengurusan dan pentadbiran jabatannya itu tidak akan terjejas berikutan sokongan yang diberikan bagi pertukaran ini. Selain daripada perkara di atas tadi seperti yang saya nyatakan ketua-ketua jabatan juga mempunyai autoriti untuk menukar dan menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang di dalam lingkungan pentadbiran jabatan masing-masing.

Jabatan Perkhidmatan Awam yakin bahawa ketua-ketua jabatan juga telah menimbangkan dengan sehalus-halusnya sebarang pertukaran yang dibuat iaitu dengan mengutamakan efisiensi jentera pentadbiran jabatan masing-masing

berbanding dengan kehendak individu. Jadi Jabatan Perkhidmatan Awam berpendapat bahawa garis pandu-garis pandu pertukaran dan penampatan yang digunakan pada masa ini adalah bersesuaian dan terkawal. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam akan meneliti dan mengkaji lebih lanjut perkara ini bagi memastikan kecekapan dan kelancaran satu-satu jabatan itu tidak dikompromi oleh tindakan-tindakan atau kehendak-kehendak yang lebih memberatkan keinginan-keinginan individu semata-mata. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:

Yang Berhormat Datin Hajah Zasia.

Yang Berhormat Datin Paduka**Datin Paduka Dayang Hajah****Zasia binti Sirin:** Terima kasih

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola ada tiga perkara, yang dua lebih merupakan harapan dan satu soalan insya-Allah.

Soalan kaola mungkin juga ada bagi kaitannya dengan penjelasan bagi soalan daripada Yang Berhormat Haji Zulkipli iaitu mengenai dengan kenaikan pangkat pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Contohnya bagi pegawai dalam bahagian II, mestilah lulus peperiksaan *FR* dan *GO* untuk mereka naik ke B3.

Kemudian bagi pegawai yang akan dinaikkan ke Kumpulan 2 hendaklah menyediakan dua kertas projek, isu semasa ataupun yang berkaitan dalam hal ehwal Perkhidmatan Awam Selain itu juga, mestilah mengikuti Program Pembangunan Eksekutif bagi pegawai-pegawai kerajaan peringkat menengah yang juga terdapat kertas projek di dalam *Module* kursus berkenaan dan diberikan penilaian markah.

Jadi di sini, kaola boleh menumpukan kepada kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai ke kumpulan 2. Bagi sebahagian pegawai, bukanlah mudah untuk menyediakan kertas projek yang dipinta, memandangkan kesibukan tugas-tugas mereka seharian. Apa lagi bagi yang mempunyai tugas di luar pejabat ataupun pegawai-pegawai yang tugasnya menyiapkan kertas-kertas projek yang diarahkan oleh ketua-ketua mereka untuk kepentingan jabatan.

Kemudian syarat ini juga sedikit sebanyak turut menjelaskan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang akan bersara, kerana tidak dapat memenuhi syarat kelayakan tersebut. Padahal prestasi kerja mereka ini pun ternyata cemerlang. Dan sebahagian yang terlibat itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai wanita.

Lebih merupakan pandangan, Yang Berhormat Pehin Pengurus, jika perkara ini dapat diteliti dan dikaji lagi supaya keadilan dapat dirasakan dari segi kenaikan pangkat mengikut merit, kelayakan dan kecemerlangan perkhidmatan setiap warga Perkhidmatan Awam sama ada lelaki ataupun wanita yang mempunyai tanggungjawab dan beban kerja yang sama dengan tidak dibebani dengan penulisan eseи yang belum tentu diguna pakai.

Kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada warga Perkhidmatan Awam seperti elaun cuti 3 tahun yang telah dipinda kepada 4 tahun sekali. Elaun tambang haji, elaun pelajaran, elaun 10 tahun Perkhidmatan Awam, namun akan diberhentikan menjelang tahun 2017. Kemudahan ini diberikan kepada salah seorang bagi pasangan suami isteri manapun yang lebih tinggi, atau suaminya atau isterinya tidak mempunyai kelayakan bagi mendapat kemudahan tersebut.

Dan Alhamdulillah, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/2011, peraturan bagi pemberian elaun cuti iaitu pindaan, telah menyatakan juga pemberian elaun cuti bagi isteri yang suaminya tidak berkhidmat dengan kerajaan dibolehkan mendapat elaun untuk

dirinya, suaminya dan 4 orang anak di bawah 14 tahun. Ini merupakan satu kurnia yang sangat sejak lama dinanti-nantikan oleh setiap pegawai wanita yang suami mereka tidak berkhidmat dengan kerajaan.

Jadi, apa yang kaola ingin timbulkan di sini iaitu perubahan peraturan perkhidmatan sebulan ke sebulan menjadi perkhidmatan tetap amat disyukuri, apatah lagi dengan pindaan elau cuti berkenaan bagi pegawai-pegawai wanita.

Tetapi masih terdapat perkhidmatan seperti *open vote* yang kebanyakannya melibatkan warga perkhidmatan wanita dan memegangnya agak tempoh yang agak lama. Jadi sekiranya dapat dipertimbangkan di dalam dewan yang mulia ini, perubahan atau pindaan supaya perkhidmatan tetap juga diberikan kepada mereka dan melayakkannya untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang diberikan seperti yang kaola nyatakan tadi.

Dan soalan kaola yang terakahir, Alhamdulillah, Skim Perkhidmatan Awam telah pun dilaksanakan seperti Skim Perkhidmatan Perguruan, Skim Perkhidmatan Teknikal, Skim Perkhidmatan Kedoktoran, Skim BAS yang dahulunya didominasi oleh lelaki juga telah dibukakan peluang untuk pegawai-pegawai wanita

menceburinya yang kaola ingin sampaikan hasrat pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Awam.

Bagaimana pula dengan skim perkhidmatan bagi profesion atau kerjaya yang lain yang tidak kurang pentingnya dalam Perkhidmatan Awam seperti bidang-bidang psikologi, sosiologi, *public relations* ataupun pengamal media. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Pehin dan terima kasih juga di atas saranan-saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia tadi.

Mengenai dengan pegawai-pegawai Division II ke atas perlu menjalani peperiksaan *General Order* dan *FR*. Perkara ini adalah penting sebab ianya adalah sebagai pegawai kerajaan, kita perlulah mengetahui dengan *General Order*. *General Order* ini kebanyakannya tatatertib dan sebagainya. Dan *FR* ini adalah macamana kitani melaksanakan pembelian dan juga *procurement* dan sebagainya. Sebabnya, selalunya pegawai-pegawai Division II ini, ialah pegawai-pegawai di mana satu waktu yang akan datang, pegawai - pegawai ini kebanyakannya akan menjadi ketua-

ketua bahagian, ketua-ketua jabatan yang kadang-kadang macam di Kementerian Pendidikan. Pegawai-pegawai ini juga dijadikan Pengetua dan sebagainya. Jadi, perkara ini adalah penting untuk pegawai-pegawai ini mengetahui. Kalau pegawai-pegawai ini tidak mengetahui dengan sendirinya adalah amat susah bagi mereka untuk mentadbir ataupun mengurus pegawai-pegawai mereka yang di bawah jagaan masing-masing. Jadi, itulah sebabnya kompetensi ini perlu ada. Dan skim-skim kerajaan telah pun memuatkan perkara ini dan ianya tidak terkecuali kepada mana-mana pegawai-pegawai dalam kerajaan.

Mengenai dengan skim-skim perkhidmatan pula, ini adalah tergantung kepada penelitian-penelitian daripada kementerian-kementerian berkenaan yang mana sebagaimana Datin nyatakan tadi telah nyatakan, memang Skim Perkhidmatan Doktor, Skim Perkhidmatan Guru dan Skim Teknikal dan sebagainya memang telah ada dihadapkan kepada JPA untuk diteliti.

Perlu juga saya nyatakan di sini bahawa dalam membuat skim itu objektif yang penting kita ialah supaya mana-mana juga cadangan-cadangan untuk membuat skim itu ianya hendaklah berobjektifkan yang

skim itu adalah untuk membantu pegawai-pegawai tersebut untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran dan kelayakan-kelayakan tertentu dan bukannya semata-mata untuk meningkatkan gaji-gaji mereka. Sebabnya setiap *level-/eve/* atau pun bahagian-bahagian, tingkat-tingkat yang tertentu ianya memerlukan kepakaran dan kelulusan-kelulusan tertentu untuk meningkatkan gaji masing-masing. Jadi itulah yang sebagai sukat-sukatnya untuk pengetahuan pihak-pihak yang tertentu dalam membuat skim-skim yang akan dihadapkan kepada JPA untuk diteliti dan ianya perlulah lengkap.

Mengenai dengan kemudahan-kemudahan sebagaimana tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin, walaupun kerajaan merevise tapi ada dalam *revision* itu ada juga kebaikannya di mana wanita-wanita sekarang boleh membawa suami dan 4 orang anak. Kalau dulu, memang tidak ada. Jadi sebab itulah, dalam menseimbangkan pemberian-pemberian kemudahan-kemudahan tersebut, kerajaan juga memikirkan keseimbangan tersebut dan dalam pada itu juga kos untuk membiayai keseimbangan tersebut.

Jadi kalau kita melihat, walaupun ianya dikurangkan daripada 3 tahun ke 4 tahun, tapi orang-orang yang akan terlibat atau mendapat manfaat

daripada skim itu adalah lebih banyak daripada yang ada pada waktu ini. Jadi untuk itu, kerajaan perlu menanggung kosnya dan itulah sebagai perseimbangan banyak yang ampit tetapi dikurangkan sedikit, tapi tidak juga berapa banyak kurangnya itu ertinya setahun ganya. Itu saja Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi:
Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Pehin Pengerusi, kaola difahamkan ramai pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang sudah berpencen diambil balik berkhidmat. Memang betul mereka ini adalah orang-orang yang profesional tetapi dari segi lain kerajaan membayar pencen mereka dan membayar gaji mereka.

Yang kedua, peluang bagi orang yang di bawah untuk naik jawatan terhalang dan yang ketiga peluang pencari-pencari pekerjaan nampaknya tidak ada peluang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan

terima kasih jua di atas soalan Yang Berhormat tadi. Mengikut perangkaan jabatan, purata kebenaran yang dikeluarkan bagi perkhidmatan yang dinyatakan tadi adalah tidak juga banyak dalam 97 orang setahun, yang banyak ialah Bahagian IV dan V ada yang merupakan jawatan-jawatan yang rendah. Kebanyakan permohonan bagi Bahagian III ke atas disokong atas sebab kementerian/jabatan masih memerlukan pegawai yang disokong kerana misalnya ada yang disebabkan oleh tidak ada pegawai-pegawai pengganti atau pegawai pelapis memandangkan pengalaman-pengalaman yang masih diperlukan oleh kerajaan, sebab itulah masih lagi diambil.

Manakala jawatan-jawatan dalam Bahagian IV dan V, pada kebiasaananya disokong atas sebab keperluan kementerian di samping memeduli juga kebajikan pegawai-pegawai tersebut kerana kebanyakannya masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai bawahan itu misalnya, untuk masih lagi banyak hutang rumah, bil elektrik dan air. Jadi hutang bank pun ada, membiayai anak-anak sekolah dan keperluan sehari-hari, sebab itulah kebanyakannya pegawai-pegawai bawahan Bahagian IV dan V ini diambil semula. Itulah sebabnya kalau kita tidak mengambil pun kadang-kadang terpaksa mereka

meminta dari Yang Berhormat Pehin Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Majlis Ugama Islam nanti. Jadi itulah sebabnya tapi tidak banyak jumlahnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Pehin Pengerusi, Wawasan 2035 antara lain menyentuh tentang Sumber Tenaga Manusia yang diperlukan untuk memangkin perkembangan ekonomi yang mampan. Tentu sekali persediaannya harus dan telah bermula dari sekarang. Sejak beberapa dekad ini kerajaan telah berbelanja untuk menyediakan biasiswa dan latihan kepada rakyat dan penduduk negara ini yang banyak telah berhasil dengan ijazah-ijazah lanjutan seperti *master* dan *Phd* dalam bidang-bidang tertentu. Berapakah perbelanjaan kerajaan dalam pembiayaan ini?

Setelah menjangkau umur persaraan wajib iaitu 55 tahun, mereka telah bersara. Sayang sekali rakyat yang berkelulusan *master* dan *Phd* ini di mana dan ke mana mereka sekarang? Apakah mereka buat? Tidaklah terfikir supaya mereka ini yang mahu dan berkemampuan

dipergunakan semula untuk menyumbang bakti kepada negara terutama yang berkelulusan *Phd*. Tentu sekali mereka ini berkelulusan *Phd* berkemampuan untuk menyumbang dalam hal-hal *research* dan *development* yang berkenaan dengan pengalaman dan kelulusan seseorang itu.

Adakah terdapat senarai lengkap dengan data-data mereka yang telah bersara dengan kelulusan seperti ini? Tidakkah ada keperluan untuk mereka ini ditempatkan di syarikat-syarikat kerajaan? Bagi profesional yang sama pula seperti guru-guru, pensyarah, tenaga asing, *expertise* dibenarkan berkerja selepas umur 55 tahun malah banyak yang melebihi 60 tahun, sedangkan anak-anak tempatan berkelulusan sama telah dipersarakan pada umur 55 tahun. Kenapakah kerajaan mempunyai dasar sedemikian? Apakah rasionalnya? Mungkin sudah tiba masanya untuk mendekati isu ini demi Wawasan 2035 demi bangsa dan negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pehin, terima kasih juga Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah mengenai dengan saran-saran beliau. Barangkali,

setahu kaola yang banyak Phd ini adalah kebanyakannya bertugas sebagai Pensyarah-Pensyarah di universiti-universiti dan pengajian tinggi di negara ini. Mungkin Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan akan dapat mesupplement lagi.

Bagi UBD ataupun bahagian institusi tinggi, ia mempunyai skim-skim tertentu yang mana difahamkan ianya tidak *stop* apabila ianya bersara pada 55 tahun. Mungkin ianya dapat diambil untuk bertugas selepas 55 tahun itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar in Haji Apong: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sebenarnya perbelanjaan bagi biasiswa ke luar negeri ialah \$35 juta setahun.

Mengenai dengan tenaga-tenaga akademik di pusat pengajian tinggi yang telah mencapai umur persaraan, pertimbangan telah diberikan tertakluk kepada prestasi mereka untuk diambil berkhidmat secara berkontrak. Dan kaola boleh memberikan *figurenya* itu nanti bila berbincang di bawah tajuk Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato

Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat.

Kaola ingin menarik perhatian pada galakan pendidikan sepanjang zaman. Apa yang kaola ketahui, pegawai-pegawai kerajaan yang ingin mendapatkan pendidikan dalam lanjutan di peringkat *Master*, setelah mendapat Ijazah Pertama terhalang kerana mereka dikehendaki untuk kembali bertugas. Dan setelah kehendak itu dipenuhi mereka kembali bertugas, mereka menghadapi satu prosedur yang ketat. Tidak boleh pergi melanjutkan pengajian peringkat *Master* kerana jangka masa atau *bond* mereka setelah lulus peringkat *Master* nanti tidak mencukupi sebelum mereka bersara wajib.

Tidakkah seorang calon yang layak itu dapat meneruskan pengajian terus ke peringkat *Master* tanpa *break*? Supaya mereka masih dalam lingkungan masa perkhidmatan dan beliau akan mendapat Ijazah *Master*. Ini juga sebagai jalan penggalak untuk seseorang mengamalkan apa yang kitani katakan sebagai

pendidikan sepanjang zaman. Itulah saja dari saya, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Pehin, Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ialah kenapa umur bagi permohonan LDP hanya terhad kepada 40 tahun barangkali sebenarnya yang dasar kerajaan pada waktu ini.

Sebenarnya ada beberapa rasional:

- i. Kedudukan kemajuan pendidikan pada masa ini berbanding dengan 20 tahun yang lepas sudah jauh berbeza. Jadi kejayaan dalam peperiksaan awam di peringkat 'O' dan 'A' sudah kian *substantial* dan memberikan *critical masses* di dalam bentuk *material candidate* bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.
- ii. Memandangkan Latihan Dalam Perkhidmatan mengikut keperluan dan perancangan sistematisik Jabatan dan Kementerian. Jadi sesuailah Latihan Dalam Perkhidmatan ini dijalankan bagi pegawai-pegawai bertepatan dengan tuntutan umur yang masih *prime* dan tempoh perkhidmatannya.
- iii. Ketiga ialah bagi memberi peluang dan dorongan kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam untuk memperolehi kelulusan yang tertentu di usia yang masih muda supaya tujuannya ini ialah untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang dikategorikan sebagai terbaik secepat mungkin dalam pengkhususan masing-masing.

Jadi dengan adanya kelulusan kepakaran di usia muda, akan memberikan tempoh masa yang agak panjang untuk mencurahkan bakti, buah fikiran dan tenaga kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, had umur ini sebenarnya tidak terhad kepada kursus-kursus pendek yang mana masih lagi dibolehkan untuk menghantar pegawai-pegawai yang berumur lebih dari 40 tahun tapi tempohnya kurang daripada setahun.

Kalau diizinkan juga Pehin, kaola ada *information* di sini tadi mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia tadi sebenarnya, orang-orang *open vote* ini pun sebenarnya boleh memohon tambang cuti dan naik haji dan elau pelajaran. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat ingin bercakap Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, mempersilakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Pehin Pengerusi. Kaola ingin merespons mengenai dengan Perkhidmatan Awam.

Dalam semua organisasi, baik ianya sektor kerajaan atau swasta ianya memerlukan *productivity, quality and efficiency*. Jadi kaola ingin bertanya, di antara *qualification* ataupun kelulusan dan kemahiran, mengapakah kitani di sektor kerajaan tidak melihat keperluan sedemikian seperti sektor swasta. Mereka tidak berapa mementingkan kelulusan tetapi mereka mementingkan produktiviti dan kualiti. Jadi di samping itu, pegawai - pegawai yang mempunyai kemahiran-kemahiran serta produktiviti yang tinggi, diberikan latihan berterusan dan kalau boleh diteruskan hingga mendapat Diploma ataupun Ijazah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman

bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih juga pandangan dari Yang

Berhormat Haji Jumat. Saya kurang faham pulang mengenai dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi yang pihak sektor swasta tidak mementingkan kepada kelulusan dan sebagainya. Tapi saya rasa, kaola rasa pihak swasta lebih mementingkan lagi kelulusan kalau dikira-kira, misalnya pekerja-pekerja di bank dan sebagainya. Sama juga dengan kita kelulusan adalah penting, pengalaman adalah penting dan juga latihan-latihan kita berterusan. Sebab itulah dalam bajet yang telah kita bentangkan kelmarin, kita memberikan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian untuk meningkatkan bukan sahaja di pihak kerajaan di sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tajuk Jabatan Perkhidmatan Awam ini telah dibincangkan dengan panjang lebar. Maka saya meminta supaya diundi bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(semua ahli mengangkat tangan)

Terima kasih, Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam diluluskan.

Jurutulis I: Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang jamnya telah tiba bagi perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita berbalik semula pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
Ditangguhkan)**

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara pada petang ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula esok hari Khamis, 15 Rabiulakhir 1433 bersamaan 8 Mac 2012, jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih.

(Mesyuarat Ditangguhkan)